

Tahanan Guantanamo warga Malaysia mungkin dihantar pulang
Free Malaysia Today
Sept 23, 2016

Dua warga Malaysia itu ditahan di sana sejak 2006 kerana pembabitan mereka dengan Jemaah Islamiyah (JI) pada awal 2000.

NEW YORK: Mohamad Bashir Lap, seorang daripada 2 tahanan warga Malaysia di kem tahanan Guantanamo Bay, mungkin dihantar pulang ke tanah air namun perlu terus menjalani proses deradikalisasi di penjara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Zahid, yang juga menteri dalam negeri berkata perkara itu dimaklumkan dalam pertemuannya dengan Perutusan Khas Amerika Syarikat Mengenai Penutupan Guantanamo, Lee Wolowsky di sini pada Rabu.

“Kemungkinan itu selari dengan usaha kita untuk membawa pulang tahanan Malaysia di Guantanamo Bay,” katanya kepada wartawan Malaysia pada Khamis.

Beliau berada di sini untuk mengetuai delegasi Malaysia pada Sesi ke-71 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kedua-dua warga Malaysia berkenaan, Bashir dan Mohd Farik Amin, ditahan sejak 2006 kerana pembabitan mereka dengan Jemaah Islamiyah (JI) pada awal 2000.

Mereka juga dikatakan terbabit dengan pengeboman Hotel J W Marriott di Jakarta pada 2003 dan ditahan di Bangkok pada tahun sama.

Zahid berkata Lembaga Semakan Berkala Amerika Syarikat atau US Periodic Review Board mengeluarkan keputusan pada 15 September lepas kedua-dua mereka masih merupakan ancaman kepada keselamatan Amerika Syarikat.

“Namun, Amerika Syarikat memaklumkan tentang kemungkinan seorang daripada mereka (Bashir) dihantar pulang ke Malaysia tetapi perlu terus menjalani proses deradikalisasi,” katanya.

Ringkasan semakan US PRD itu menyebut ia menggalakkan usaha diambil bagi mendekati keluarga tahanan yang mungkin dihantar pulang itu dan pegawai kerajaan Malaysia, berhubung kesediaan sekiranya tahanan berkenaan dipindahkan ke Malaysia.

Sehubungan itu, Zahid berkata satu Jawatankuasa Peringkat Tinggi mengenai perkara itu akan segera ditubuhkan dengan beliau sendiri selaku pengerusi.

Jawatankuasa itu akan dianggotai Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar, Kementerian Pertahanan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Zahid seterusnya berkata beliau menjemput Wolowsky untuk berkunjung ke Malaysia dalam masa terdekat bagi menjelaskan dengan lebih terperinci kepada Jawatankuasa Peringkat Tinggi itu mengenai keperluan atau syarat yang mesti dipenuhi untuk memindahkan tahanan Guantanamo itu ke Malaysia.

“Saya yakin program deradikalisasi Malaysia itu mampu memulihkan tahanan warga Malaysia berkenaan,” katanya sambil menambah peratusan kejayaan program itu mencecah 97.5% dan diiktiraf pihak berkuasa antarabangsa termasuk Interpol.

“Dalam pertemuan saya dengan Wolowsky, saya memaklumkan kepada beliau program deradikalisasi Malaysia mempunyai Lembaga Pencegahan Keganasan yang membuat semakan terhadap keberkesanan program itu ke atas individu yang diletakkan di bawahnya,” katanya.

Malah, Akta Pencegahan Keganasan 2015 juga membolehkan penggunaan Peranti Pemantauan Elektronik (EMD) ke atas individu berkenaan, katanya.

Beliau berkata usaha membawa pulang tahanan itu tidak bermakna Malaysia bersekongkol dengan kegiatan keganasan di mana-mana negara.

“Bagi kita apa yang penting ialah keprihatinan kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang ditahan tanpa bicara begitu lama di negara lain,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/23/tahanan-guantanamo-warga-malaysia-mungkin-dihantar-pulang/>